

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 35

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana konsep pertanian adalah perniagaan telah berjaya membawa kekayaan kepada petani-petani. Sejauh manakah pemuda-pemudi rakyat Malaysia tertarik kepada pertanian sebagai kerjaya yang menguntungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sentiasa komited di dalam usaha menggalakkan pemuda pemudi menceburi sektor agromakanan yang berkonsepkan perniagaan. Bagi meneruskan inisiatif ini, MOA melalui Unit Agropreneur Muda (UAM) telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda (PAM) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang bermula pada tahun 2016 sehingga kini bertujuan bagi menarik minat pemuda - pemudi seluruh negara yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan.
2. Program ini merupakan bantuan dan galakan yang disediakan oleh Kerajaan bagi menyokong konsep pertanian adalah perniagaan di mana golongan muda mampu menjana kekayaan menerusi bidang pertanian. Usaha berterusan ini memastikan semua petani dan orang muda yang terlibat di dalam sektor ini terus dibantu sehingga perniagaannya memperoleh pendapatan yang lumayan.
3. Secara umumnya, program ini menawarkan perkhidmatan dan bantuan seperti berikut:
 - i. Menyediakan Geran Agropreneur Muda (GAM) berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap projek;
 - ii. Menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas di bawah TEKUN Nasional sehingga RM50,000 dan di bawah Agrobank sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan

- iii. Menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian.
4. Untuk rekod, dari tahun 2016 sehingga Mei 2019, seramai 5, 123 orang peserta agropreneur muda dari seluruh negara telah mendapat manfaat daripada Program Agropreneur Muda.
 5. Selain itu, agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga seperti FAMA telah menjalankan tanggungjawab bagi menyelaraskan, mengawal selia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia. Dalam usaha pemasaran dan pengedaran buah-buahan dan sayur-sayuran di seluruh negara, antara program yang dilaksanakan oleh FAMA adalah Program Ladang Kontrak, Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak ke Pasaran (KUKUH), Program Pembinaan Pusat Pengumpulan Ladang, Program Usahawan Motosikal Roda Tiga dan Program Pasar Tani.
 6. Program di bawah Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) juga merupakan cabang daripada Program Agropreneur Muda telah dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Pertanian (ILP) dengan kerjasama secara strategik semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan IPTA di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sekian, terima kasih.